

P.U. (A) 430/1993

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI  
(LEVI KE ATAS TRANSAKSI SEKURITI) 1993

**Akta 498**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) 1993** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1994

**Kadar levi**

2. Kadar levi yang hendak dibayar oleh pembeli atau penjual berkenaan dengan penjualan atau pembelian sekuriti yang direkodkan di bursa saham atau sekuriti yang diberitahukan kepada bursa saham mengikut kaedah-kaedahnya hendaklah 0.03 peratus daripada harga belian pembelian atau penjualan itu.

Dibuat pada 20hb Disember 1993.

[S (8.02) 248/23-49;PN.(PU<sup>2</sup>) 523.]

ANWAR IBRAHIM,  
*Menteri Kewangan*